

Munshi dakwa ada bukti pembabitan menteri

34 4/8/83

KUALA LUMPUR: Ketua Turus Umum Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM), Staff Marshal Munshi Muslim Yacob, berkata beliau mempunyai maklumat dan bukti bertulis yang cukup berhubung dakwaannya mengenai pembabitan seorang menteri Kabinet dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Selain maklumat dan bukti bertulis, beliau mendakwa mempunyai saksi daripada kalangan agensi kerajaan yang bersedia memberi kenyataan bagi membuktikan kebenaran di pihaknya.

"Kenyataan saya bukan bertujuan mencabar atau menuduh sesiapa, tetapi adalah berdasarkan kepada bukti bertulis yang saya terima serta saksi daripada kalangan agensi kerajaan yang memaklumkan perkara ini kepada saya.

"Sekiranya ia tidak membabitkan agensi kerajaan, mengapa ada di kalangan pegawai tertinggi kerajaan sendiri cuba mempengaruhi saya untuk meletakkan jawatan pada 30 Julai lalu ketika cubaan 'menghalalkan' PKPM sedang dibuat.

"Saya juga tahu mengenai fungsi undang-undang di negara ini dan tidak akan membuat kenyataan yang saya fikir boleh menyebabkan saya dikenakan tindakan kerana memberi maklumat palsu atau memfitnah seseorang sekiranya saya tidak mempunyai bukti yang cukup untuk membuktikan kebenaran berada di pihak saya," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu beliau membuktikan dakwaannya bahawa ada kalangan menteri Kabinet terbabit dalam PKPM.

Sambil menyifatkan dakwaan itu serius, Dr Mahathir menegaskan kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atasnya sekiranya dia gagal membuktikan dakwaan itu.

Dr Mahathir berkata, orang ramai boleh bercakap mengenai PKPM dengan menteri, tetapi ia bukan bermakna menteri itu terbabit dalam pertubuhan haram berkenaan.

Munshi berkata, sekiranya kerajaan ingin menyiasat perkara ini beliau bersedia memberi kerjasama kepada polis.

Malah, katanya, pihak polis sendiri mendedahkan kegiatan 20 bekas anggota PTCM yang menganggotai PKPM beberapa bulan lalu, selepas mereka mendapat maklumat kumpulan itu menyalahgunakan kuasa untuk menyerbu kedai menjual cakera padat video (VCD).

"Saya tidak berniat untuk memalukan sesiapa dengan kenyataan yang telah dibuat tetapi berhak mempertahankan diri daripada difitnah berhubung diri saya dan juga kegiatan PTCM," katanya.

Mengenai bentuk bukti yang akan dikemukakan kepada kerajaan, katanya, beliau akan membuat temu janji untuk bertemu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi minggu ini dan menyerahkan satu memorandum.

Katanya, kandungan memorandum itu akan memuatkan dokumen dan fail yang mengaitkan dakwaan pembabitan menteri yang dimaksudkan dalam PKPM.